

24/11/1999

Pembangkok hanya pandai berslogan: Ramli

TELUK INTAN, Selasa - Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib mengajak pengundi bukan Melayu menolak pembangkang yang hanya pandai berslogan dan menabur fitnah terutama menjelang pilihan raya umum.

Menurutnya, pengundi perlu memberi kepercayaan penuh kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang terbukti berjaya memberi kesenangan kepada rakyat pelbagai keturunan dan kepercayaan di negara ini.

Katanya, segala kemudahan yang dikecapi rakyat adalah hasil pembangunan yang dilaksanakan kerajaan yang adil di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, mandat rakyat kepada BN dalam pilihan raya umum ini penting bagi memastikan usaha kerajaan meletakkan Malaysia lebih cemerlang dalam pelbagai bidang di alaf baru.

"Kerajaan BN telah berjaya menempuh dugaan apabila berhadapan dengan kegawatan ekonomi yang melanda negara ini tahun lalu.

"Berkat kegigihan pemimpin negara, kita berjaya memulihkan ekonomi dan kini keadaannya bertambah baik," katanya berucap pada pertemuannya dengan jentera BN Parlimen Pasir Salak di sini, petang semalam.

Ramli berkata, perpaduan adalah perkara utama kerana perpaduan yang kental antara kaum menyumbang kepada kestabilan negara.

Sehubungan itu katanya, beliau meminta semua jentera BN bekerja keras sehingga hari mengundi bagi memastikan calon BN mengulangi kejayaan cemerlang dalam beberapa pilihan raya lalu.

Terdahulu, Ketua MCA bahagian Pasir Salak yang juga mewakili BN lain, Cham Yong Kee memberi jaminan lebih 7,000 ahli dari parti berkenaan akan mengundi calon BN.

Katanya, berdasarkan catatan Pilihan Raya Umum 1995, 90 peratus undi bukan Melayu di kawasan itu diberikan kepada calon BN.

(END)